



Pengunjung hanya perlu imbas kod QR untuk menyaksikan mural 'beraksi' dalam keadaan mencuit hati.

Kanvas 'bernyawa' di kota raya

10 lokasi sekitar Kuala Lumpur dihiasi lapisan interaktif inovasi AR.

Oleh IZYAN LIYANA MOHD DARIF

JIKA anda pernah bersiar-siar di celah 'Lorong Hantu Kecil' atau lebih dikenali sebagai Kwai Chai Hong, Kuala Lumpur, pasti pernah melihat mural seorang lelaki warga emas duduk di atas bangku sambil mengesek alat muzik tradisional, erhu. Karya kreatif tersebut merupakan sentuhan artis jalanan bernama Andy Chok.

Bersebelahannya pula terdapat mural hasil kreativiti Chan Kok Sing, yang memaparkan seorang kanak-kanak perempuan duduk di tepi jendela sedang melihat gelagat dua kanak-kanak lelaki bermain guli. Keistimewaan mural tersebut bukan sahaja menarik perhatian pengunjung, bahkan memikat hati pelancong asing merakam foto di port yang disifatkan *Instagrammable*.

Jika sebelum ini mural-mural itu hanya statik di panel dinding kini seiring modenisasi ia 'dihidupkan' menerusi kecanggihan teknologi digital. Mural lelaki warga emas bermain erhu misalnya, mengeluarkan alunan muzik mengasyikkan seolah-olah menghiburkan orang sekeliling.

Begitu juga mural kanak-kanak yang sekelip mata bertukar menjadi suasana pesta tanglung dan pesta kek bulan penuh warna-warni.

Orang ramai berpeluang meneroka sesi kanvas interaktif dan inovasi tersebut sepanjang berlangsungnya Festival Realiti Terimbuh Kuala Lumpur (AR Fest KL) yang akan melabuhkan tirai pada 30 November ini.

Lensa baharu

Menurut Pengasas AR Fest KL, Fariz Hanapiah, festival digital julung kali diadakan itu menerapkan teknologi realiti maya terimbuh (AR).

"Menerusi teknologi AR pengunjung boleh melihat objek maya tiga dimensi pada mural, gambar atau buku fizikal. Buat fasa pertama ini, kami menumpukan 10 lokasi ikonik dan popular sekitar Kuala Lumpur.

"Dengan adanya inovasi seumpama ini secara tidak langsung membantu mempromosikan sektor pelancongan di ibu kota dalam kaedah maklumat hiburan yang menyeronokkan," katanya kepada Majoriti 7 pada Majlis Pelancaran AR Fest KL 2024 di Bubble Bee Cafe, Jalan Petaling yang merupakan salah satu lokasi untuk meneroka



Bukan semua orang mengetahui apa itu AR dan bagaimana teknologi ini berfungsi. Oleh itu, menerusi festival ini kami dapat menyebarkan maklumat keistimewaan teknologi AR dalam cara tersendiri."

Fariz

mural dikuasakan teknologi AR.

AR Fest KL 2024 mengetengahkan empat elemen menarik yang menampilkan mural dan karya seni halus 'bernyawa', arca digital monumental dan penceritaan sejarah secara interaktif daripada kecerdasan buatan (AI). Ia membawa orang ramai meneroka bandar dalam lensa baharu menggabungkan masa lalu, masa kini dan masa depan menerusi lebih 30 pengaktifan teknologi AR.

Bercerita lanjut, selain menentukan pemilihan lokasi ideal untuk memaparkan jalan cerita menggunakan AR, Fariz berkata, cara penyampaian bagi menjelaskan kepada masyarakat mengenai teknologi tersebut antara cabaran dihadapi beliau dan pasukan.

"Bukan semua orang mengetahui apa itu AR dan bagaimana teknologi ini berfungsi. Oleh itu, menerusi festival ini kami dapat menyebarkan maklumat keistimewaan teknologi AR dalam cara tersendiri.

"Lagipun caranya mudah hanya menggunakan telefon pintar berbanding realiti maya (VR) yang memerlukan set kepala untuk mengaktifkannya," ujarnya lanjut.

Bagi melihat teknologi AR berfungsi pengunjung cuma perlu mengimbas kod respons pantas (QR) terdapat di sebelah mural, arca atau karya seni terpilih. Kemudian, klik butang untuk melihat kanvas 'bernyawa' atau bermain permainan interaktif disediakan.

Difahami, teknologi AR yang diterapkan dicipta oleh artis digital profesional, ahli teknologi kreatif, pensyarah dan pelajar universiti tempatan.

AR Fest KL 2024 menampilkan empat program teras yang mempunyai inti pati menarik. Ia terdiri daripada:

StreetART naratif bandar moden

Segmen ini menyeru rakyat Malaysia menyelami semula kota raya dan mencipta naratif bandar baharu dengan gabungan mural dalam lukisan kanvas interaktif melalui teknologi AR.

Hasilnya, karya pelukis mural seperti Cloakwork, Co2, JimmyGummy, Kenji Chai dan Quiccs, Norman Khek dan Wan Jepah yang diterjemahkan menggunakan AR memaparkan jalan cerita tersendiri, bertenaga dan mempunyai elemen digital menyeronokkan.

Menerusi segmen StreetART, lukisan mural hasil artis grafiti Orkibal yang berdiri gagah di hadapan RexKL dipilih untuk menghasilkan bentuk kanvas AR sebagai penghormatan terhadap pengaruh beliau dalam bidang seni bandar dan legasi kreatif.

Geolokasi Arca

Menawarkan pengembaraan berasaskan geolokasi apabila arca digital timbul dalam saiz lebih besar berbanding reka bentuk sebenar. Arca wau bulan, kereta Kancil, hutan

hujan tropika, motif batik, Orang Utan dan kenangan nostalgia zaman kanak-kanak sudah bersedia menerima kehadiran pengunjung.

Sepanjang sesi interaktif itu pengunjung berpeluang menyelami gabungan seni tradisional dan teknologi moden, apatah lagi setiap arca AR mencerminkan semangat kepelbagaian budaya dan warisan di negara ini. Lebih mengujakan ia belatar belakang pusat beli-belah mewah The Starhill.

Teroka ARTworks Balai Seni Negara

Bagi segmen ARTworks pula, AR Fest KL bekerjasama dengan Balai Seni Lukis Negara yang menjadi nadi warisan seni tanah air.

Melalui integrasi inovasi AR, lima karya seni halus ikonik seperti *Pago-Pago* (Abdul Latiff Mohidin), *Malam di Langkawi* (A.J. Rahman), *Pandangan Kamera Kumpulan Kanak-kanak Sekolah Ketawa* (Kok Yew Puah), *Malaysian Life* (Chuah Thean Teng) dan *Enrique de Malacca* (Ahmad Fuad Osman), memberi peluang kepada orang ramai meneroka inti pati karya menerusi elemen interaktif diterapkan.


CheritAR kuasa AI

Terletak di tiga mercu tanda iaitu Bangunan Sultan Abdul Samad, Muzium Tekstil Negara dan Air Pancut Victoria, pengunjung dapat menyelami kisah mengenai tapak bersejarah itu melalui penceritaan animasi dan teknologi interaktif.

Bayangkan, dalam sekelip mata sahaja aktiviti bersiar-siar di Dataran Merdeka bertukar menjadi 'buku cerita' yang menarik diceritakan oleh penglipur lara avatar dikuasakan oleh kecerdasan buatan (AI).



Penglipur lara avatar yang dikuasakan AI bercerita mengenai keistimewaan mercu tanda ikonik, Bangunan Sultan Abdul Samad.



Selain paparan jalan cerita, AR Fest KL turut menampilkan permainan interaktif.

Info AR Fest KL 2024

- Berlangsung dari 30 Ogos hingga 30 November 2024 di 10 lokasi terpilih:
 - RexKL
 - GMBB
 - Dataran Merdeka
 - Jalan Tun HS Lee
 - Jalan Sultan
 - Jalan Petaling
 - Lorong Panggung
 - Kwai Chan Hong
 - Balai Seni Lukis Negara
 - The Starhill, Bukit Bintang

- Anjuran bersama EDT, Studio Behind 90 dan Evertreasure termasuk rakan strategik antaranya Think City, DBKL, Filamen dan GMBB.

- Maklumat lanjut layari <https://arfestkl.com> atau media sosial Instagram @arfestkl.



Saksikan gabungan seni tradisional dan moden berlatarkan kompleks The Starhill.



Karya kreatif Andy akan mengeluarkan bunyi dan paparan nota muzik yang menghiburkan selepas pengunjung imbas kod QR disediakan.



Mural hasil Wan Jepah antara karya diterjemahkan AR dalam segmen StreetART.